

23 NOV 1999

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR LAWAT KELANTAN KHAMIS INI

KOTA BAHARU, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan, Khamis ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO dijadual tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada 12.30 tengah hari.

Dr Mahathir akan menghadiri jamuan tengah hari di Istana Kota Lama sebelum ke Sekolah Menengah Pak Badol, Pasir Puteh pada pukul 2.15 petang untuk menghadiri pertemuan dengan orang ramai.

Pada perjumpaan itu, Dr Mahathir akan memperkenalkan calon-calon Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Parlimen Kubang Kerian, Bachok, Pasir Puteh, Peringat, Kota Baharu dan Pengkalan Chepa, katanya kepada pemberita hari ini.

Dari situ Dr Mahathir akan ke Padang Merdeka di Tanah Merah untuk majlis bertemu rakyat bagi memperkenalkan pula calon-calon BN bagi kawasan Parlimen Kuala Krai, Machang, Jeli, Tanah Merah dan Rantau Panjang pada pukul 4 petang.

Tengku Razaleigh berkata selepas itu Perdana Menteri akan bertolak ke Tendong, Pasir Mas bagi merasmikan peletakan batu asas jambatan ketiga merintang Sungai Kelantan, Jambatan Tendong-Pasir Mas, pada 5 petang.

Dr Mahathir juga akan memperkenalkan calon-calon BN bagi kawasan Parlimen Pasir Mas dan Tumpat kepada orang ramai di situ, katanya.

Dr Mahathir dijadual mengadakan persidangan berita di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada 6 petang sebelum berlepas ke Kuantan.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melawat sehari ke negeri ini, esok.

Menurut kenyataan pejabat Timbalan Perdana Menteri yang dikirim melalui faksimili, Abdullah akan menyampaikan amanat kepada pengundi di Sekolah Kebangsaan Kedai Buloh (1), Kota Baharu pada 9.30 pagi dan menyampaikan anugerah kecemerlangan Ujian Penilaian Sekolah Rendah kepada murid-murid dalam kawasan DUN Kijang.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya akan melawat ke DUN Gaal, Pasir Puteh pada 11.45 pagi sebelum ke Kuala Berang, Terengganu pada sebelah petangnya.

-- BERNAMA

ZI NMO